

Anggota kabinet baru bijak tangkis pembangkang

UM 23 DEC 1999

KUALA LUMPUR 22 Dis. — Menteri yang kurang yakin pada kemampuan pembantunya mengawal tindak tanduk pembangkang semasa membentangkan Rang Undang-Undang berkaitan kementerian mereka, kini mungkin boleh menarik nafas lega.

Ini kerana pemimpin pelapis yang juga anggota baru kabinet yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ini bukan sahaja memahami prosedur Dewan malah bijak menangkis perangkap yang cuba dipasang pembangkang.

Ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 1999 bagi Kementerian Perusahaan Utama, timbalan menterinya, Anifah Aman berjaya 'membaca' pergerakan pemimpin DAP paling senior, Dr. Tan Seng Giaw menguji beliau.

Anifah adalah muka baru yang disenaraikan dalam barisan kabinet

yang diumumkan baru-baru ini.

Seng Giaw cuba telah meminta laluan ketika Anifah bercakap mengenai kejayaan kerajaan dalam skim penstabilan minyak masak di pasaran tempatan dan dunia.

Ahli Parlimen Kepong itu bangun sebanyak dua kali tetapi dibalas oleh Anifah: "Saya tak bagi laluan".

Anifah kemudian ditegur oleh Yang Dipertua Dewan, Tun Mohamed Zahir Ismail kerana tidak mahu langsung memberi peluang kepada Seng Giaw.

Bagaimanapun Ahli Parlimen Beaufort itu menjelaskan bahawa Seng Giaw telah menyoal menteri, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, semalam.

Kerana masih tidak puas hati, Seng Giaw bangun sekali lagi. Kali ini beliau menggunakan peruntukan 67(1) dengan mendakwa ada sesetengah isu tidak disentuh oleh Anifah.

Anifah tetap enggan memberi laluan sambil di-

balas oleh Mohamed Zahir bahawa neruntukan 67(1) itu tidak boleh dipakai.

Anifah yang menyambung semula penggulungan secara sinis berkata: "Bukan sahaja nak kacau menteri saya tetapi juga timbalan menteri yang baru."

Turut menunjukkan 'taring' menyekat pergerakan pembangkang pagi ini ialah Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Mohd. Sharif Omar.

Mohd. Sharif menyedarkannya dan menegaskan beliau tidak memberi laluan kepada Seng Giaw kerana nada pemimpin DAP itu diyakininya sama seperti anak buahnya dari Bukit Mertajam, Chong Eng.

Chong Eng sebelum itu bangun meminta penjelasan mengenai isu wabak Japanese Encephalitis.

"Dah habis dah," kata Mohd. Sharif apabila beliau diuji pula oleh Ahli Parlimen DAP dari Bagan, Lim Hock Seng yang meminta penjelasan, sebaik sahaja beliau menamatkan penggulangan.